



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENENTUKAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MSLQ VERSI
BAHASA MELAYU DALAM MENGUKUR TAHAP MOTIVASI DAN
PEMBELAJARAN REGULASI KENDIRI**

FAKHRUDDIN BIN KHOSIM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

NOVEMBER 2011


FAKHRUDDIN BIN KHOSIM

M20072000447



PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan disertasi ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Sarjana Pendidikan (M.Ed) Pengukuran Pendidikan .

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr Siti Eshah bt Mokshein yang telah sudi meluangkan masa memberi nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, teguran-teguran membina, pandangan, saranan serta dorongan kepada saya sejak dari mula hingga akhir penulisan ini. Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Pengukuran Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, guru-guru di sekolah menengah teknik di Perak serta rakan-rakan yang banyak memberi semangat kepada saya menghasilkan kajian ini. Begitu juga kepada semua guru dan pelajar di atas kerjasama mereka dalam memberikan maklum balas soal selidik kajian.

Akhir sekali penghargaan ini juga ditujukan khas buat ibu bapa yang tercinta, Khosim bin Wahab dan Marizan bt Kulub Bidin di atas doa dan kepercayaan serta galakan dan perangsang untuk saya berjaya menghasilkan kajian ini. Seterusnya saya ingin mengucapkan ucapan penghargaan ini kepada semua pihak yang terlibat secara tidak langsung membantu saya menyiapkan laporan projek ini, dan teristimewa untuk isteri tercinta yang banyak berkorban masa, wang dan tenaga demi merealisasikan disertasi ini. Kepada enam orang cahayamata ku, bapa hadiahkan ini kepada anda semua agar keluarga kita menjadi keluarga yang berilmu dan bertaqwa hendaknya. Semoga Allah S.W.T akan memberkati segala usaha kita semua. Amin....





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen 'Motivated Strategies for Learning Questionnaire' (MSLQ) versi Bahasa Melayu dalam mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk melihat perkaitan di antara motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dengan pencapaian akademik. Instrumen soal selidik MSLQ asal dalam Bahasa Inggeris yang dibina oleh Pintrich & De Groot (1990) telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu dengan kaedah terjemahan semula untuk kegunaan pelajar-pelajar Malaysia. Sejumlah 711 orang responden yang terdiri dari pelajar-pelajar Tingkatan Empat di 10 buah sekolah teknik di negeri Perak terlibat untuk kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan perisian 'Statistical Packages for the Social Science' (SPSS) versi 15. Analisis deskriptif, kolerasi, analisis faktor dan analisis regresi linear berganda telah dilakukan ke atas data yang dikumpul. Keputusan menunjukkan secara keseluruhan instrumen MSLQ versi Bahasa Melayu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi seperti yang ditunjukkan oleh Cronbach Alpha dan Analisis Faktor. Nilai ketekalan dalaman Cronbach Alpha yang diperolehi ialah 0.86 bagi motivasi dan 0.84 bagi pembelajaran regulasi sendiri. Kesahan konstruk bagi instrumen ini juga tinggi dengan tiga faktor atau konstruk dan dua faktor diekstrak secara nyata daripada pembolehubah motivasi dan dua konstruk daripada pembelajaran regulasi sendiri (muatan faktor ≥ 0.3), sama seperti instrumen asal dalam versi Bahasa Inggeris. Dapatan juga menunjukkan terdapat perkaitan signifikan antara pembelajaran regulasi sendiri dengan pencapaian akademik. Namun begitu sumbangan motivasi kepada pencapaian akademik didapati tidak signifikan pada aras keyakinan 95 peratus ($\alpha = 0.05$). Keputusan ini menunjukkan bahawa MSLQ versi BM adalah instrumen yang baik bagi mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri pelajar di Malaysia.





ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the validity and reliability of the Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ) – Malay version in order to measure the motivation and self regulated learning among secondary school students. This study also aims to examine the relationship between motivation and self regulated learning and academic achievement. The original English version of MSLQ developed by Pintrich & De Groot (1990) was translated to Malay using back translation method to be administered to Malaysian students. A number of 711 respondents of Form Four students from ten technical schools in Perak were involved in this study. Data were analyzed using the SPSS version 15. Descriptive analysis, correlation analysis, factor analysis and multiple linear regression analysis were performed on the data collected. Results show that overall, the MSLQ – Malay version versi Bahasa Melayu has a high reliability as shown by the results of Cronbach Alpha and Factor Analysis. The internal consistency Cronbach Alpha obtained is 0.86 for motivation and 0.84 for self-regulated learning. The construct validity for this instrumen is also high with three factors or constructs being extracted from the the motivation variable and two factors from the self-regulated variable (factor loading ≥ 0.3), similar as in the original English version of MSLQ. Results also show that there is a significant relationship between self-regulated learning and academic achievement. However, the contribution of motivation on achievement is not significant at 95 percent confidence interval ($\alpha = 0.05$). The results indicate that the MSLQ – Malay version is a sound instrument to measure motivation and self-regulated learning among students in Malaysia.



KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|-------------------|------------|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xi |
| SENARAI SINGKATAN | xii |

BAB 1

PENDAHULUAN

| | | |
|------|-----------------------|----|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.4 | Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 9 |
| 1.6 | Soalan Kajian | 10 |
| 1.7 | Hipotesis Kajian | 10 |
| 1.8 | Batasan Kajian | 11 |
| 1.9 | Kerangka Konsep | 12 |
| 1.10 | Definisi Operasi | 14 |
| 1.11 | Kesimpulan | 18 |

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

| | | |
|-----|--|----|
| 2.1 | Pengenalan | 19 |
| 2.2 | Instrumen MSLQ | 19 |
| 2.3 | Penterjemahan Instrumen MSLQ dalam Bahasa Lain | 22 |
| 2.4 | Konsep Motivasi | 27 |
| 2.5 | Konsep Pembelajaran Regulasi Kendiri | 31 |
| 2.6 | Kajian-kajian Berkaitan Dengan Motivasi dan Pembelajaran Regulasi Kendiri Serta Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik | 33 |
| 2.7 | Kesimpulan | 43 |

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

| | | |
|-------|------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 45 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 46 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 47 |
| 3.4 | Populasi dan Sampel Kajian | 47 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | |
| 3.5.1 | Skala Instrumen | 51 |
| 3.5.2 | Penterjemahan Instrumen | 53 |
| 3.6 | Kesahan Dan Kebolehpercayaan | 55 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 56 |
| 3.7.1 | Korelasi Item Total | 58 |
| 3.7.2 | Kebolehpercayaan Instrumen | 60 |

| | | |
|------|--------------------------|----|
| 3.8 | Pengumpulan Data Sebenar | 63 |
| 3.9 | Analisis Data | 65 |
| 3.10 | Rumusan | 67 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 68 |
| 4.2 | Sejauh Manakah Kesahan Konstruk bagi Kelima-lima Sub Pembolehubah Dalam Instrumen MSLQ Versi BM Seperti Yang Ditunjukkan oleh Keputusan Analisis Faktor | 69 |
| 4.3 | Sejauh Manakah Ketekalan Dalam Instrumen MSLQ Versi BM bagi Komponen Motivasi dan Pembelajaran | |

| | | |
|-----|--|----|
| 4.4 | Sejauh Manakah Tahap Motivasi dan Pembelajaran Regulasi Kendiri bagi Pelajar-pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik di Negeri Perak | 76 |
| 4.5 | Adakah Terdapat Perkaitan Yang Signifikan Di antara Motivasi dan Pembelajaran Regulasi Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar | 78 |
| 4.6 | Rumusan | 80 |

BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

| | | |
|-----|------------|----|
| 5.1 | Pengenalan | 81 |
|-----|------------|----|

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.2 | Dapatan Dan Perbincangan | |
| 5.2.1 | Kesahan Konstruk dan Ketekalan Dalam Instrumen MSLQ versi BM | 81 |
| 5.2.2 | Tahap Motivasi dan Pembelajaran Regulasi Kendiri Pelajar | 88 |
| 5.2.3 | Perkaitan Antara Tahap Motivasi Dan Pembelajaran Regulasi Kendiri Dengan Pencapaian Akademik Pelajar | 90 |
| 5.3 | Rumusan Dapatan | 91 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 94 |
| 5.5 | Cadangan | 95 |
| 5.6 | Penutup | 97 |
| | RUJUKAN | 100 |
| | LAMPIRAN | |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka Surat |
|------------|---|------------|
| Jadual 3.1 | Bilangan sekolah dan saiz sampel | 48 |
| Jadual 3.2 | Bilangan item bagi setiap konstruk motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri | 51 |
| Jadual 3.3 | Item-item dalam setiap konstruk dan arah skor | 52 |
| Jadual 3.4 | Keputusan korelasi item total | 59 |
| Jadual 3.5 | Keputusan korelasi item total | 60 |
| Jadual 3.6 | Kebolehpercayaan ' <i>Cronbach Alpha</i> ' laporan sendiri motivasi | 61 |
| Jadual 3.7 | Kebolehpercayaan ' <i>Cronbach Alpha</i> ' pembelajaran regulasi sendiri | 62 |
| Jadual 4.1 | Keputusan analisis faktor pengesahan pemuatan faktor pembolehubah motivasi | 72 |
| Jadual 4.2 | Keputusan analisis faktor pengesahan pemuatan faktor pembolehubah pembelajaran regulasi sendiri | 73 |
| Jadual 4.3 | Kebolehpercayaan ' <i>Cronbach Alpha</i> ' laporan sendiri motivasi | 75 |
| Jadual 4.4 | Kebolehpercayaan ' <i>Cronbach Alpha</i> ' pembelajaran regulasi sendiri | 75 |
| Jadual 4.5 | Kebolehanpercayaan ' <i>Cronbach Alpha</i> ' instrumen laporan sendiri MSLQ versi BM | 76 |
| Jadual 4.6 | Statistik Deskriptif Pembolehubah Instrumen Laporan Kendiri MSLQ versi BM | 77 |
| Jadual 4.7 | Perkaitan motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dengan pencapaian akademik | 78 |
| Jadual 4.8 | Kesan Motivasi dan Pembelajaran Regulasi Kendiri ke atas Pencapaian Akademik | 79 |

SENARAI RAJAH

Rajah

muka surat

1.1 Kerangka konsep kajian

12

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|---|
| MSLQ | Motivated Strategies for Learning Questionnaire |
| BM | Bahasa Melayu |
| BI | Bahasa Inggeris |
| PBS | Pentaksiran Berasaskan Sekolah |
| MPAV | Mata Pelajaran Amali Vokasional |
| KPM | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| LPM | Lembaga Peperiksaan Malaysia |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| CFA | Confirmatory Factor Analysis |
| EFA | Exploratory Factor Analysis |
| SPSS | Statistical Packages For The Social Science |



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian dan juga kepentingan kajian ini kepada dunia pendidikan. Di samping itu bab ini juga menyatakan batasan kajian serta definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia secara dasarnya adalah untuk memberikan pendidikan yang sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam pembangunan modal insan secara menyeluruh, pencapaian akademik juga adalah salah satu faktor yang penting dan amat dititik beratkan untuk memastikan pemerolehan ilmu dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran biasanya diukur berdasarkan pencapaian pelajar. Pencapaian akademik



yang baik menjadi petanda bahawa seseorang itu telah menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ditentukan. Namun begitu, pencapaian akademik juga sering dikaitkan banyak faktor lain seperti latar belakang keluarga, faktor guru, dan persekitaran sekolah. Peluang untuk mencapai kecemerlangan akademik biasanya lebih rendah sekiranya ada faktor negatif yang boleh merencatkan keberkesanan dalam proses pembelajaran.

Sebenarnya terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar seperti latar belakang seseorang pelajar, sikap, tahap sosio ekonomi, jangkaan dan harapan serta tahap potensi dan intelek individu (Zimmerman, 1989). Selain itu, faktor konsep sendiri dan motivasi pencapaian juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Menurut Crow & Crow (1983), darjah pencapaian seseorang pelajar dalam proses pengajarannya banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan. Justeru itu, kekuatan kedua-dua konsep sendiri sama ada akademik dan bukan akademik serta motivasi pencapaian perlu dikenal pasti supaya sesuatu boleh dilakukan bagi mengembangkan potensi yang ada dalam diri pelajar.

Menurut Mortimore (1991) pengajaran yang berkesan antara lainnyanya adalah dapat memberikan motivasi kepada pelajar serta mengawal kelakuan mereka. Sebagai seorang pelajar adalah amat penting untuk mereka menunjukkan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran kerana ia dapat membantu mereka merancang, mentadbir dan menguruskan serta memantau pembelajaran agar pencapaian akademik dapat dipertingkatkan. Pembelajaran dan pengajaran akan menjadi lebih mudah sekiranya ia dimulakan dan diurus oleh pelajar itu sendiri (Taylor, 1999).

Seseorang pelajar itu hanya akan berjaya dalam pembelajarannya jika dirinya sendiri ada keinginan untuk belajar (Abdul Rahman, 1998). Menurut beliau inilah prinsip dan hukum pertama dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Keinginan atau dorongan untuk belajar dikatakan sebagai motivasi. Maka tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri merupakan antara elemen penting dalam pencapaian akademik pelajar. Oleh kerana terdapat terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di sekolah maka kajian ini hanya menumpukan kepada untuk melihat motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri sahaja.

Sebenarnya terdapat banyak instrumen yang dapat digunakan untuk mengukur tahap motivasi dan juga pembelajaran regulasi sendiri namun kebanyakannya adalah dalam bahasa Inggeris dan ianya memerlukan penterjemahan sebelum dapat digunakan untuk kajian lapangan. Menurut Butcher & Garcia (1978), banyak instrumen serta ujian yang dibina dan dibangunkan untuk kegunaan populasi Amerika Syarikat telah diterjemahkan dan diadaptasi oleh penyelidik-penyelidik di dalam negara bukan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya.

Keadaan ini lebih menonjol di negara-negara Asia. Di Taiwan, contohnya penggunaan instrumen kajian yang diterjemahkan dari bahasa Inggeris amat popular di kalangan ahli akademik terutamanya dalam bidang-bidang berkaitan psikologi dan sains sukan. Penterjemahan dan pengadaptasian instrumen kajian secara terus begini dilihat mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang memuaskan atau sama dengan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang asal.

Namun begitu andaian sebegini adalah kurang tepat dan amat merbahaya kerana terdapatnya pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi kesahan serta kebolehpercayaan



instrumen tersebut terutamanya dari segi latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza (Geisinger, 1994; Hambleton, 2001; Van de Vijver & Hambleton, 1996). Menurut Butcher & Garcia, (1978); Van de Vijver & Hambleton, (1996) lagi, terdapat juga unsur-unsur bias seperti bias konstruk dan bias item semasa membuat kerja-kerja penterjemahan dan pengadaptasian berkenaan sehingga menjejaskan kesahan sesuatu instrumen dan mempengaruhi dapatan kajian.

Oleh kerana kajian ini mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri maka berdasarkan kepada pembacaan dan kajian literatur di dapati bahawa instrumen Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ) amat sesuai untuk digunakan bagi mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri. Instrumen MSLQ yang digunakan adalah versi Pintrich (1990) kerana versi ini mengandungi 44 item soalan dan pernyataan soalnya lebih pendek, ringkas dan mudah difahami berbanding versi Pintrich, Smith, Garcia & McKeachie (1991) yang mengandungi 81 item soalan manakala pernyataan soalan pula agak panjang bersesuaian dengan kumpulan sasarnya iaitu pelajar-pelajar kolej.

Instrumen MSLQ ini dibina dan dibangunkan oleh Pintrich (1990) khusus untuk pelajar-pelajar kolej, namun kajian mendapati bahawa instrumen ini amat sesuai dan boleh digunakan untuk semua lapisan pelajar. Justeru itu instrumen MSLQ ini perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sebelum ianya dapat digunakan untuk mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri pelajar sekolah di Malaysis khususnya kepada pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah teknik di negeri Perak.

Namun begitu, kualiti MSLQ versi BM ini belum dapat dipastikan lagi. Adakah kesahan konstruk-konstruk di dalam versi asal sama dengan versi yang telah diterjemahkan? Sejauhmanakah ketekalan dalaman instrumen MSLQ versi BM



berbanding dengan instrumen asal? Akhirnya adakah instrumen ini benar-benar dapat mengukur apa yang hendak diukur berdasarkan kepada faktor bahasa yang berbeza antara keduanya?

Kerana itu, fokus utama kajian ini ialah menentukan kualiti instrumen MSLQ versi BM yang telah melalui proses penterjemahan terutamanya dari aspek kesahan dan kebolehpercayaannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Keputusan analisis peperiksaan SPM Tahun 2008 (Lampiran E) peringkat kebangsaan menunjukkan sekolah pengkaji iaitu Sekolah Menengah Teknik Seri Iskandar mendapat gred purata keseluruhan 5.79 dan berada di kedudukan ke 83 berbanding 90 buah sekolah menengah teknik di seluruh negara. Terdapat dua lagi sekolah menengah teknik di negeri Perak yang mendapat kedudukan yang terbawah di dalam kedudukan keseluruhan iaitu Sekolah Menengah Teknik Slim River (84) dan Sekolah Menengah Teknik Kerian (89).

Keadaan ini agak membimbangkan kerana Perak mempunyai bilangan sekolah menengah teknik yang paling banyak iaitu sepuluh buah kesemuanya. Senario yang terjadi menyebabkan pengkaji berminat untuk melihat dan meninjau apakah faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar di sekolah. Banyak penyelidikan yang dijalankan bagi melihat apakah faktor-faktor yang menyebabkan kejayaan seseorang pelajar itu di sekolah. Majoriti penyelidikan sebegini memberikan tumpuan kepada fokus utama iaitu aspek motivasi dan kegunaan strategi pembelajaran yang berkesan (Pintrich & Smith, 1993; Garcia & Pintrich, 1996; Zimmerman & Martinez-Pans, 1990; Pintrich & DeGroot, 1990; Pintrich, Smith, Garcia & McKeachie, 1991).

Ini juga kerana menurut Stipek (1993), seseorang pelajar itu mempunyai motivasi yang tinggi sekiranya memperolehi gred yang baik dalam sesuatu pelajaran begitu juga sebaliknya. Motivasi juga dilihat memberi sumbangan yang positif kepada prestasi akademik pelajar. Begitu juga dengan pembelajaran pelajar, pakar-pakar bersetuju bahawa cara terbaik untuk belajar adalah dengan pelajar itu sendiri meregulasikan sendiri pembelajaran mereka.

Namun begitu satu instrumen laporan sendiri yang baik dan berkualiti perlu ada untuk mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri pelajar. Dalam kajian ini instrumen laporan sendiri MSLQ dipilih kerana instrumen ini telah melalui pelbagai peringkat penyemakan dan penambahbaikan serta skornya telah diakui. Ia juga menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi bila ditadbir kepada pelajar-pelajar kolej di Amerika Syarikat (Garcia & Pintrich, 1996; Pintrich et al.,1993).

Disamping itu pengkaji ingin menguji instrumen MSLQ ini berdasarkan kepada kesahan dan kebolehpercayaannya apatah lagi setelah instrumen ini diterjemahkan daripada bahasa asalnya iaitu Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu.

1.4 Kepentingan kajian

Kajian ini akan menambah lagi koleksi kajian-kajian yang dijalankan berdasarkan kepada penterjemahan serta pengadaptasian sesuatu instrumen yang hendak digunakan dan bagaimana metod untuk menjalankannya. Oleh kerana kajian seperti ini agak kurang di Malaysia, kajian ini diharapkan dapat memberikan idea dan gambaran yang lebih jelas mengenai proses penterjemahan serta kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen. Namun begitu faktor bahasa dan saiz sampel yang berbeza sebenarnya amat

mempengaruhi dapatan kajian.

Selain itu, instrumen MSLQ versi Bahasa Melayu yang telah diterjemahkan dan ditentukan kesahan dan kebolehpercayyannya ini juga diharapkan boleh digunakan untuk mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri serta kaitannya dengan pencapaian akademik. Ianya dapat digunakan untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang mempunyai tahap motivasi yang rendah dan tiada keinginan untuk menguruskan, memantau dan melakukan aktiviti pembelajaran secara sendiri. Kebiasaanya pelajar-pelajar sebegini akan mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah.

Sekiranya didapati ada perkaitan yang signifikan antara motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dengan pencapaian akademik maka pihak sekolah dan guru-guru perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya tahap motivasi pelajar ini dapat dipertingkatkan dan juga diberikan bantuan dan bimbingan bagaimana untuk menguruskan pembelajaran secara regulasi sendiri.

Suasana pembelajaran yang merangkumi aspek-aspek yang dapat meningkatkan motivasi pelajar perlu dirangka dan dilaksanakan. Program-program berbentuk motivasi serta bengkel-bengkel pengurusan pembelajaran sendiri diperbanyakkan agar tahap motivasi pelajar sentiasa berada pada tahap tertinggi dan pelajar dapat menguasai kemahiran pembelajaran regulasi sendiri.

Regulasi sendiri penting bukan hanya semata-mata mampu untuk meningkatkan pencapaian akademik sahaja tetapi amat berguna kepada pelajar untuk menghadapi cabaran apabila telah tamat persekolahan nanti. Pelajar-pelajar yang telah biasa menguruskan diri sendiri dan melakukan sesuatu kerja tanpa pengawasan yang maksimum berkemungkinan akan mudah untuk menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan kelak.

Ibu bapa juga akan mendapat manfaat daripada kajian ini untuk menilai kembali tahap motivasi anak-anak mereka dan mengapa mereka lemah di dalam pelajaran. Ibu bapa tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada pihak pengurusan sekolah dan guru tetapi bersama-sama berusaha untuk menaikkan motivasi belajar anak-anak dan membimbing mereka cara menguruskan pembelajaran sendiri. Bagi ibu bapa yang berkemampuan bolehlah menghantar anak-anak mereka mengikuti kursus-kursus di luar dan bagi mereka yang kurang mampu bimbingan dan dorongan secara berterusan amat diperlukan bagi memastikan anak-anak ini sentiasa bermotivasi di sekolah.

Pembelajaran regulasi secara sendiri ini juga adalah bertepatan dengan perubahan dasar-dasar yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini adalah kerana mulai tahun 2008 Lembaga Peperiksaan Malaysia telah memperkenalkan satu bentuk pentaksiran yang akan dilaksanakan di sekolah-sekolah. Beberapa sekolah telah menjadi sekolah perintis kepada program ini. Ianya dikenali sebagai pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Pentaksiran ini dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ia juga merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh sekolah dan pentaksirannya akan dilakukan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sekolah Menengah Teknik juga tidak terkecuali dengan penambahbaikan ini kerana dalam mata pelajaran amali vokasional (MPAV) yang baru diperkenalkan peperiksaan amali telah dimansuhkan dan dilaksanakan pentaksiran berdasarkan sistem folio dan tugas. Segala pentaksiran untuk MPAV ini akan dijalankan mengikut jadual kerja yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. Penilaian yang berterusan berdasarkan

kepada tugas, folio, projek, latihan dan kerja kursus memerlukan penglibatan dan komitmen pelajar sepenuhnya. Pelajar perlu menjalankan semua tugas itu secara konsisten dan berterusan. Mereka juga perlu menyelia sendiri perkembangan tugas dan memastikan ianya selesai mengikut masa yang telah ditentukan.

Keputusan calon akan terjejas sekiranya calon tidak dapat melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan mengikut apa yang telah ditetapkan. Kerana itu sekiranya pelajar-pelajar tidak mempunyai kemahiran untuk pembelajaran regulasi secara sendiri dikhuatiri para pelajar akan gagal dalam menyiapkan sesuatu tugas atau folio yang perlu dilaksanakan mengikut apa yang telah digariskan oleh Lembaga Peperiksaan. Pelajar yang mempunyai tahap regulasi sendiri yang rendah sudah tentunya tidak mampu untuk mengurus, mentadbir, memantau dan melaksanakan tugas yang diberi. Ini akan memberi impak kepada skor dan seterusnya mempengaruhi gred yang pelajar perolehi di dalam peperiksaan.

Dengan maklumat awal yang diperolehi maka guru-guru dapat memberi bimbingan serta tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar yang memerlukan agar ianya tidak akan menjejaskan prestasi pelajar.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah secara khususnya ialah untuk:

- (i) menterjemah dan mengadaptasi instrumen *Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)* yang dibina oleh Pintrich & De Groot (1990) ke dalam Bahasa Melayu.
- (ii) menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen MSLQ versi Bahasa

Melayu

(iii) mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri pelajar-pelajar

Tingkatan Empat sekolah menengah teknik di negeri Perak.

(iv) melihat perkaitan antara motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dengan

pencapaian akademik pelajar-pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah teknik di negeri Perak.

1.6 Soalan kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan seperti yang berikut?

(i) Sejauh manakah kesahan konstruk bagi kedua-dua pembolehubah (motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri) dalam instrumen MSLQ versi Bahasa Melayu?

(ii) Sejauh manakah ketekalan dalaman kedua-dua pembolehubah (motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri) instrumen MSLQ versi Bahasa Melayu?

(iii) Sejauh manakah tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri bagi pelajar-pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah teknik di negeri Perak?

(iv) Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dengan pencapaian akademik pelajar?

1.7 Hipotesis kajian

Hipotesis ini berkaitan dengan persoalan kajian yang keempat iaitu sama ada terdapat perkaitan diantara motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis Nol: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dengan pencapaian akademik pelajar.

$$H_0 : \beta_1 = 0 ; \alpha = 0.05$$

Hipotesis Alternatif: Terdapat perkaitan yang signifikan antara motivasi dan pembelajaran sendiri dengan pencapaian akademik pelajar

$$H_A : \beta_1 \neq 0$$

1.8 Batasan kajian


Kajian ini dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang telah di adaptasi dan diterjemahkan dari manual '*Motivated Strategies of Learning Questionnaire*' (MSLQ) yang dibina oleh Pintrich (1990). Kajian ini dijalankan hanya kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang sedang menuntut di sekolah menengah teknik di negeri Perak sahaja. Pengkaji menjalankan kaedah persampelan dalam usaha untuk memastikan reponden kajian mewakili populasinya.

Sampel kajian hanya untuk menguji kesahan konstruk dan ketekalan dalaman instrumen serta mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri serta kaitannya dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah teknik di negeri Perak. Kerana itu dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar Tingkatan Empat di seluruh negara.

Dalam kajian ini juga pencapaian akademik pelajar diambil berdasarkan gred keputusan mata pelajaran Matematik dalam peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan Empat di sekolah. Kerana itu dapatan kajian ini mencerminkan motivasi dan pembelajaran pelajar dalam lingkungan usia 16 hingga 17 tahun sahaja.

Instrumen yang diadaptasi ini adalah satu pengukuran berdasarkan kepada laporan sendiri. Maklum balas yang diperolehi terhadap item-item di dalam soal selidik adalah dipengaruhi oleh responden. Maka itu pengkaji mengandaikan bahawa subjek memahami kandungan dan arahan serta mempunyai kesedaran atau pengalaman terhadap informasi yang diperlukan di dalam kajian. Selain itu subjek juga diandaikan telah menjawab soal selidik ini dengan jujur.

1.9 Kerangka konsep



Rajah 1.1 : Kerangka konsep kajian

Kajian ini adalah untuk melihat kesahan konstruk dan ketekalan dalaman instrumen MSLQ versi BM dan kebolehannya untuk mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri pelajar-pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah teknik di negeri Perak dengan melihat kepada tiga konstruk motivasi iaitu efikasi sendiri, nilai intrinsik dan kebimbangan terhadap ujian manakala dua konstruk pembelajaran regulasi sendiri pula adalah strategi kognitif yang digunakan dan regulasi sendiri.

Tahap kelima-lima konstruk ini pula kemudiannya akan dibandingkan dengan pencapaian akademik pelajar menggunakan gred mata pelajaran Matematik dari peperiksaan pertengahan tahun 2009 bagi melihat perkaitan hubungan sama ada ianya signifikan atau tidak.

Instrumen kajian yang diadaptasi dari MSLQ yang dibina oleh Pintrich (1990) berdasarkan dari sudut sosial kognitif motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri. Dalam model ini motivasi pelajar akan dihubungkan secara '*direct*' dengan kebolehan untuk meregulasikan segala aktiviti pembelajaran mereka kerana pembelajaran regulasi sendiri itu didefinisikan sebagai proses melibatkan metakognitif, motivasi dan tingkahlaku aktif dalam menentukan sendiri halatuju pembelajaran dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Eccles & Wigfield, 2002).

Kerangka ini mengandaikan bahawa motivasi dan strategi pembelajaran bukanlah sesuatu yang bersifat statik tetapi lebih kepada dinamik dan mengikut konteks yang diperlukan kerana strategi pembelajaran boleh dikuasai dan dikawal oleh pelajar itu sendiri (Duncan & McKeachie, 2005, p.117). Dengan kata lain motivasi pelajar akan berubah-ubah mengikut persekitaran dan subjek (contohnya, bergantung kepada minat kepada sesuatu subjek, efikasinya dalam pencapaian subjek tersebut dan sebagainya)

begitu juga dengan strategi pembelajaran juga adalah berbeza bergantung kepada situasi dan persekitaran.

MSLQ sebenarnya dibina untuk mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri pelajar-pelajar kolej namun terdapat juga kajian lepas yang menggunakan instrumen MSLQ untuk pelajar-pelajar sekolah. Ini adalah kerana instrumen MSLQ ini secara idealnya amat sesuai untuk mengukur semua jenis peringkat pembelajaran tidak mengira peringkat tinggi atau hanya di sekolah (Duncan & McKeachie, 2005, p.118).

1.10 Definisi operasi

Definisi-definisi operasi bagi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut :

(i) Motivasi

Istilah motivasi adalah berasal daripada perkataan latin '*movere*' yang bermaksud '*to move*' atau untuk bergerak. Motivasi boleh ditakrifkan sebagai kecenderungan yang timbul daripada diri seseorang. Ianya boleh menjadi penggerak untuk menimbul, mengekal dan mengawal minat seseorang. Seseorang pelajar itu akan lebih berminat dalam pelajarannya sekiranya dia mendapat dorongan atau motivasi dari pihak kedua. Dalam kajian ini motivasi diukur berdasarkan skor yang diperolehi bagi item-item dalam Instrumen MSLQ versi Bahasa Melayu yang melibatkan pembolehubah motivasi dengan tiga konstruk di dalamnya iaitu efikasi sendiri, nilai intrinsik dan kebimbangan terhadap ujian.



(ii) Pembelajaran regulasi sendiri

Satu proses mengawal pembelajaran aktif secara sendiri dengan inisiatif sendiri dan mempunyai ciri-ciri seperti hala arah tuju, pengurusan masa, konsisten dan efikasi sendiri. Dalam kajian ini pembelajaran regulasi sendiri diukur berdasarkan skor yang diperolehi daripada item-item bagi dua konstruk iaitu strategi kognitif yang digunakan dan regulasi sendiri dalam Instrumen MSLQ versi Bahasa Melayu.

(iii) Efikasi sendiri

Kebolehan seseorang untuk membuat keputusan, merancang dan melaksanakan tindakan agar mencapai apa yang menjadi matlamatnya. Dalam konteks kajian ini efikasi sendiri ini adalah konstruk yang akan diukur di bawah pembolehubah motivasi. Ianya terdiri dari sembilan (9) item yang diukur dengan menggunakan skala Likert 7 mata.

(v) Nilai intrinsik

Satu nilai motivasi dalaman yang ada dalam diri pelajar yang mana melibatkan diri dalam satu-satu tugas atas sifat ingin tahu, sukakan cabaran serta ingin menguasai sesuatu kemahiran tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Satu lagi konstruk di bawah pembolehubah motivasi yang terdiri dari sembilan (9) item dan diukur dengan menggunakan skala Likert 7 mata juga.

(v)Kebimbangan terhadap ujian atau tugas

Merujuk kepada kebimbangan yang boleh menjejaskan perasaan, emosi, psikologi





dan tingkahlaku pelajar terhadap sesuatu tugas atau pun ujian. Merupakan juga satu konstruk di bawah pembolehubah motivasi yang mengandungi empat (4) item yang juga diukur dengan menggunakan skala Likert 7 mata.

(vi) Strategi kognitif yang digunakan

Strategi kognitif merujuk kepada strategi yang digunakan untuk meregulasikan pembelajaran secara sendiri dalam mencapai apa yang dikehendaki. Ini adalah kerana seseorang itu tidak boleh meregulasikan pembelajarannya sekiranya dia tidak tahu apa yang hendak dilakukan. Ianya adalah salah satu konstruk di bawah pembolehubah pembelajaran regulasi sendiri yang terdiri dari tiga belas item yang menggunakan pengukuran skala Likert 7 mata.



(vii) Regulasi sendiri

Merujuk kepada kebolehan pelajar untuk merancang, memantau, mengawal serta menetapkan sendiri segala aktiviti kognitif dan tingkahlaku. Juga salah satu konstruk di bawah pembolehubah regulasi pembelajaran sendiri yang terdiri dari sembilan (9) item dan diukur dengan menggunakan skala Likert 7 mata.

(viii) Pencapaian akademik

Didefinisikan sebagai tahap kecekapan seseorang dalam bidang akademik atau persekolahan. Pencapaian akademik yang diukur dalam kajian ini adalah pencapaian markah atau gred yang diperolehi oleh pelajar dalam mata pelajaran Matematik di dalam peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan Empat 2009.





(ix) Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ) versi BM

Satu instrumen soal soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini untuk mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri. Instrumen ini diadaptasi dan diterjemahkan dari MSLQ versi bahasa Inggeris yang dibina dan dibangunkan oleh Pintrich dan DeGroot (1990), mengandungi 44 item. Item diskor menggunakan skala Likert 7 mata iaitu 1 – tidak benar langsung tentang diri saya dan 7 – amat benar tentang diri saya.

(x) Tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri

Ukuran ini dibuat berdasarkan min skor yang diperolehi oleh pelajar bagi setiap konstruk bagi kedua-dua pembolehubah motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri dalam skala 1 hingga 7. Bagi tujuan kajian ini, tahap dikategorikan sebagai tinggi, sederhana atau rendah berdasarkan julat min skor berikut:

$1 \leq \text{min} \leq 2$: tahap sangat rendah

$2 < \text{min} \leq 3$: tahap rendah

$3 \leq \text{min} \leq 5$: tahap sederhana

$5 < \text{min} \leq 7$: tahap tinggi

(xi) Pelajar

Pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar Tingkatan Empat tahun 2009 di sekolah menengah teknik di negeri Perak sahaja.



1.11 Kesimpulan

Bab 1 membincangkan latarbelakang kajian, objektif kajian, mengapa kajian ini dilaksanakan, apakah instrumen yang digunakan dalam mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri serta populasi kajian. Instrumen ini amat berguna untuk mengukur tahap motivasi dan pembelajaran regulasi sendiri bagi pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Tinjauan literatur yang berkaitan dengan kajian ini akan dibincang dalam Bab 2.